BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 08/05/70 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 24 Ogos 2005

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan Julai 2005
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Pada bulan Julai, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada 5%. Pembiayaan kepada sektor swasta berterusan pada bulan Julai. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada akhir bulan Julai, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.7%. Yang penting, pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan terus bertambah baik, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 2.6% pada akhir bulan Julai. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus berkembang seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan tahunan sebanyak 9% dalam pinjaman terkumpul kepada sektor tersebut.

Pada 21 Julai 2005, Bank Negara Malaysia mengumumkan kadar pertukaran ringgit akan bergerak dalam rejim apungan terurus. Di bawah sistem kadar pertukaran baru ini, kadar pertukaran ringgit akan ditentukan oleh asas-asas ekonomi. Bank Negara Malaysia akan memantau nilai ringgit berbanding dengan sekumpulan mata wang dengan mengambil kira kepentingan relatif rakan dagangan utama Malaysia, struktur hutang luar negeri, corak pembayaran dan pergerakan relatif mata wang serantau. Kadar pertukaran yang stabil yang mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia akan terus menjadi objektif dasar yang penting.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 08/05/70 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 24 Ogos 2005

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JULAI 2005

Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Dalam pasaran wang, purata wajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil untuk berpurata pada 2.70%, manakala kadar antara bank yang lain meningkat sedikit. Dalam pasaran runcit, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatif stabil, masing-masing pada 5.90% dan 8.75%.

Pada 21 Julai 2005, Bank Negara Malaysia mengumumkan kadar pertukaran ringgit akan bergerak dalam rejim apungan terurus. Di bawah sistem kadar pertukaran baru ini, kadar pertukaran ringgit akan ditentukan oleh asas-asas ekonomi. Bank Negara Malaysia akan memantau nilai ringgit berbanding dengan sekumpulan mata wang dengan mengambil kira kepentingan relatif rakan dagangan utama Malaysia, struktur hutang luar negeri, corak pembayaran dan pergerakan relatif mata wang serantau. Kadar pertukaran yang stabil yang mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia akan terus menjadi objektif dasar yang penting.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, menjadi sederhana kepada 3% pada bulan Julai, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan yang lebih perlahan. Inflasi harga pengeluar meningkat pada bulan Jun, dengan Indeks Harga Pengeluar naik pada kadar tahunan 6.9%.

Kadar pertumbuhan agregat monetari secara relatif stabil pada bulan Julai. Wang secara kecil atau M1, dan wang secara luas atau M3, masing-masing berkembang pada kadar tahunan 12.6% dan 11.6% pada akhir bulan Julai.

Pembiayaan kepada sektor swasta berterusan pada bulan Julai. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada akhir bulan Julai, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.7%. Pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencatat kadar pertumbuhan tahunan 9% dan mencakupi 41.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan pada akhir bulan Julai.

Dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh adalah lebih rendah pada RM712.8 juta, disebabkan terutamanya oleh jumlah PDS yang matang lebih besar pada bulan tersebut. Dalam pasaran PDS, terbitan PDS kasar berjumlah RM1.9 bilion dan ini terutamanya adalah untuk pembiayaan semula dan pembiayaan aktiviti baru.

Sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) pada 13.3% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 5.0%.

Kadar faedah secara relatif kekal stabil

Pada tempoh 1 Julai – 23 Ogos, purata wajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.66% - 2.72%, dan berpurata 2.70%. Sementara itu, kadar purata antara bank bagi tempoh 1 minggu hingga 3 bulan naik sedikit, mencerminkan jangkaan kadar faedah akan meningkat pada masa hadapan. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. Sementara itu, ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan turun sedikit masing-masing kepada 5.90% dan 8.75% (masing-masing 5.93% dan 8.78% pada akhir bulan Jun).



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank yang lain meningkat sedikit



Pada bulan Julai, operasi mudah tunai bertujuan untuk mengekalkan kadar antara bank semalaman yang stabil



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan stabil



Nisbah pembiayaan-deposit meningkat kepada 84.9%

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Jul 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
12 Ogos 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
Jul 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
12 Ogos 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan



Kadar benar deposit tetap 3 bulan meningkat sedikit pada bulan Julai

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 Julai – 21 Julai, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau. Dolar AS menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama ekoran jangkaan kadar faedah AS akan naik lagi, pembezaan kadar hasil yang memihak kepada dolar AS serta jangkaan berterusan yang pertumbuhan ekonomi AS akan mengatasi pertumbuhan ekonomi di kawasan euro dan Jepun pada tahun 2005. Bagi tempoh 1 Januari – 21 Julai 2005 secara keseluruhan, dolar AS, dan oleh itu ringgit, menambah nilai berbanding dengan euro (11.9%), sterling (10.4%) dan yen Jepun (9.7%), serta juga berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.2% - 7.7%. Oleh itu, pengukuhan ringgit telah menterbalikkan sebahagian daripada penyusutan nilai yang dialami pada tahun 2003 dan 2004, dan dengan itu mengurangkan tahap ketidakjajaran nilai ringgit dan membawa hampir kepada nilainya yang berpatutan.

Pada 21 Julai 2005, Bank Negara Malaysia mengumumkan kadar pertukaran ringgit akan bergerak dalam rejim apungan terurus. Di bawah sistem kadar pertukaran baru ini, kadar pertukaran ringgit akan ditentukan oleh asas-asas ekonomi. Bank Negara Malaysia akan memantau nilai ringgit berbanding dengan sekumpulan mata wang dengan mengambil kira kepentingan relatif rakan dagangan utama Malaysia, struktur hutang luar negeri, corak pembayaran dan pergerakan relatif mata wang serantau. Kadar pertukaran yang stabil yang mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia akan terus menjadi objektif dasar yang penting. Semenjak tambatan ringgit dimansuhkan, ringgit menambah nilai kepada RM3.7698 atau 0.8% berbanding dengan dolar AS pada 23 Ogos 2005. Pada tempoh masa yang sama, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan paun sterling dan 1.7% berbanding dengan yen Jepun. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan euro. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat 0.2% - 1.5% berbanding dengan dolar Singapura, won Korea, renminbi China dan baht Thailand, tetapi menambah nilai dalam julat 1.1% - 3.3% berbanding dengan peso Filipina, dolar Taiwan dan rupiah Indonesia.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Jun 05	Julai 05	23 Ogos 2005	Akhir Dis. 04 - 23 Ogos 2005	Akhir Jun 05 - 23 Ogos 2005
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.7505	3.7698	0.8	0.8
Euro	5.1729	4.5948	4.5475	4.6023	12.4	-0.2
Paun sterling	7.3169	6.8685	6.5799	6.7829	7.9	1.3
100 yen Jepun	3.7026	3.4469	3.3414	3.4334	7.8	0.4
Dolar Singapura	2.3258	2.2576	2.2565	2.2607	2.9	-0.1
100 baht Thai	9.7636	9.2032	8.9757	9.2069	6.0	0.0
100 peso Filipina	6.7706	6.7628	6.6759	6.7395	0.5	0.3
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0391	0.0382	0.0374	9.2	4.5
100 won Korea	0.3671	0.3699	0.3655	0.3675	-0.1	0.6
Renminbi China	0.4591	0.4591	0.4626	0.4651	-1.3	-1.3

Inflasi menjadi sederhana pada bulan Julai

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3% pada bulan Julai (Jun: 3.2%). Penyederhanaan dalam inflasi pada bulan tersebut disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan yang lebih perlahan, terutamanya kerana harga buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Harga bagi kategori pengangkutan dan hiasan dalaman rumah terus meningkat, manakala harga bagi kategori pakaian dan kasut semakin menurun, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Harga bagi

barangan dan perkhidmatan yang lain dalam kumpulan barangan IHP secara relatif stabil.



Inflasi menjadi sederhana kepada 3% pada bulan Julai

Inflasi harga pengeluar meningkat pada bulan Jun

Kadar kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 6.9% pada bulan Jun (Mei: 3.9%). Kenaikan ini disebabkan terutamanya oleh harga minyak mentah yang lebih tinggi, yang telah lebih daripada mengimbangi kejatuhan harga minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, tidak termasuk harga komoditi, inflasi IHPR menjadi sederhana kepada 1.8% (Mei: 2.1%).



Inflasi IHPR meningkat

Pertumbuhan agregat monetari secara relatif stabil

Pada bulan Julai, wang secara kecil atau M1, yang merupakan baki urus niaga, meningkat pada kadar tahunan 12.6% (Jun: 11%), manakala wang secara luas atau M3, mengembang pada kadar tahunan 11.6% (Jun: 12.8%). Walau bagaimanapun, berdasarkan asas bulanan, M3 merosot sebanyak RM3.5 bilion

berikutan tuntutan bersih ke atas Kerajaan yang lebih rendah dan tuntutan ke atas sektor swasta yang kekal tidak berubah. Operasi luar bersih juga bersifat mengembang ke atas bekalan wang pada bulan tersebut. Tuntutan ke atas sektor swasta mendatar sahaja memandangkan kenaikan dalam pinjaman telah diimbangi oleh kemerosotan dalam pemegangan PDS oleh institusi perbankan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Jun 05**	**Jul 05**	**Jan-Julai 05**
M3	68.0	-0.7	-3.5	31.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	38.1	-2.0	-1.2	-14.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	-9.7	6.3	0.0	15.7
Pinjaman	*82.0*	*6.0*	*1.4*	*22.3*
Sekuriti	*90.0*	*0.3*	*-1.4*	*-6.6*
Operasi luar negeri bersih *	-8.0	-3.4	5.7	47.6
Pengaruh lain	-28.1	-1.5	-8.0	-17.3

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan merosot pada bulan Julai

Pada bulan Julai, jumlah deposit dalam sistem perbankan merosot sebanyak RM3.7 bilion, walaupun pada asas tahunan ia meningkat 13.9% (Jun: 14.4%). Kemerosotan pada bulan tersebut berpunca terutamanya daripada deposit antara bank yang lebih rendah, serta pengambilan deposit oleh perusahaan perniagaan dalam negeri, badan berkanun dan Kerajaan Persekutuan.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 05	**Mei 05**	**Jun 05**	**Jul 05**
Kerajaan Persekutuan	-281	646	968	-312
Kerajaan Negeri	-7	55	219	182
Badan Berkanun [1]	230	1,495	386	-657
Institusi Kewangan	4,167	1,533	802	-1,912
Perusahaan Perniagaan	-2,238	7,645	-1,091	-1,567
Individu	340	586	1,248	539
Lain-lain [2]	-363	1,178	23	41
Jumlah	1,849	13,138	2,555	-3,686

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 05	**Mei 05**	**Jun 05**	**Jul 05**
Deposit tetap	-808	3,703	-2,003	2,190
NID	4,686	728	3,049	-6,344
Deposit permintaan	-1,096	420	3,042	-1,643
Deposit tabungan	-358	-195	342	-230
Perjanjian beli balik (Repo)	1,043	138	612	2,739
Deposit mata wang asing	-1,093	4,218	-3,379	-1,252
Deposit SPI	-582	3,681	347	717
Lain-lain	56	445	546	138
Jumlah	1,849	13,138	2,555	-3,686

Pembiayaan kepada sektor swasta berterusan

Pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM44.4 bilion pada bulan Julai (Jun: RM48.4 bilion). Pembiayaan yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih rendah sebanyak RM42.1 bilion (Jun: RM45.4 bilion). Pada asas bersih, kadar pertumbuhan tahunan jumlah pembiayaan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) kekal teguh pada 9.3%.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar kepada sektor swasta rendah sedikit disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih rendah…



namun, permohonan dan kelulusan pinjaman kekal teguh

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	Jun	Jul	Jun	Jul
Jumlah				
Permohonan pinjaman	25.9	27.3	5.4	8.8
Kelulusan pinjaman	16.3	18.2	-10.0	10.6
Pengeluaran pinjaman	45.4	42.1	7.1	2.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	6.0	0.6	8.4	8.7
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	12.7	14.3	-5.7	2.2
Kelulusan pinjaman	7.2	9.0	-28.9	12.0
Pengeluaran pinjaman	31.2	27.5	5.1	-1.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.9	-1.8	1.5	2.6
PKS				
Permohonan pinjaman	5.2	6.0	2.7	16.6
Kelulusan pinjaman	3.2	3.2	-5.4	11.9
Pengeluaran pinjaman	9.5	8.8	9.4	8.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.9	0.6	9.0	9.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.7	12.7	15.7	16.8
Kelulusan pinjaman	8.9	8.9	14.2	13.0
Pengeluaran pinjaman	12.3	12.4	13.0	6.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.9	3.9	15.1	15.1

[1/] Pertumbuhan tahunan bagi akhir tempoh

Kesemua penunjuk pinjaman isi rumah mapan, sementara permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman kekal meliputi kesemua sektor

Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah kekal stabil pada RM12.4 bilion (Jun: RM12.3 bilion), iaitu peningkatan tahunan sebanyak 6.4%. Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan menurun, mencerminkan terutamanya pengeluaran yang lebih rendah kepada sektor borong, runcit, restoran dan hotel, iaitu sektor yang mencatat pertumbuhan pinjaman yang kukuh pada bulan-bulan kebelakangan ini. Walaupun pengeluaran pinjaman lebih rendah, permohonan dan kelulusan pinjaman sektor perniagaan adalah lebih mantap, masing-masing pada RM14.3 bilion (Jun: RM12.7 bilion) dan RM9.0 bilion (Jun: RM7.2 bilion), masing-masing meningkat pada kadar tahunan 2.2% dan 12%.

Memandangkan pengeluaran pinjaman adalah lebih rendah, peningkatan dalam pinjaman terkumpul mengikut asas bulanan pada bulan Julai adalah sederhana. Walau bagaimanapun, trend keseluruhan dalam pinjaman kekal mantap seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan tahunan sebanyak 8.7% pada akhir bulan Julai (akhir bulan Jun: 8.4%). Pertumbuhan tahunan pinjaman perniagaan terkumpul lebih tinggi, iaitu pada 2.6% (akhir bulan Jun: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang mapan sebanyak 9% dalam pinjaman PKS terkumpul (akhir bulan Jun: 9%). Pada akhir bulan Julai, pinjaman PKS mencakupi 41.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan (akhir tahun 2004: 40.3%). Sementara itu, pertumbuhan tahunan bagi pinjaman isi rumah terkumpul kekal mantap pada 15.1% (akhir bulan Jun: 15.1%).

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal lebih rendah

Pada bulan Julai, aktiviti pemerolehan modal kasar melalui pasaran PDS berjumlah RM1.9 bilion, dengan pembiayaan terutamanya disalurkan untuk membiayai operasi syarikat dalam sektor pembinaan, pengangkutan dan harta tanah. Dana ini diperoleh terutamanya untuk tujuan pembiayaan semula dan pembiayaan aktiviti baru. Dalam pasaran ekuiti, sejumlah RM374.1 juta diperoleh terutamanya melalui 15 tawaran awam awal. Kerajaan Persekutuan terus memperoleh dana daripada pasaran bon domestik melalui satu terbitan sulung Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 20 tahun berjumlah RM1 bilion. Dengan mengambil kira terbitan Bon Simpanan Merdeka, pada asas bersih, sektor awam memperoleh dana sebanyak RM1.4 bilion pada bulan tersebut. Dengan jumlah PDS yang matang bertambah pada bulan berkenaan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal adalah lebih rendah, iaitu pada RM712.8 juta.



Dana yang diperoleh melalui pasaran modal adalah lebih rendah pada bulan Julai

KLCI bertambah baik pada bulan Julai

Indeks Komposit (KLCI) terus berada dalam trend yang meningkat sejak awal bulan Julai disebabkan oleh minat pembelian terhadap beberapa saham yang berkaitan dengan indeks. Pada akhir bulan Julai, KLCI ditutup lebih tinggi pada 937.39 (sejak akhir bulan Jun: 5.5%), dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM724.97 bilion (sejak akhir bulan Jun: 5.3%). Walau bagaimanapun, urus niaga purata harian bagi bulan Julai lebih rendah, iaitu pada 472.8 juta unit (Jun: 519.6 juta unit).



KLCI meningkat pada bulan Julai

Pasaran mengalami konsolidasi pada dua minggu pertama bulan Ogos kerana aktiviti pengambilan untung yang didorong oleh kebimbangan baru mengenai harga minyak yang semakin meningkat dan inflasi yang lebih tinggi. Pada 23 Ogos, KLCI ditutup pada 923.79 (sejak akhir bulan Julai: -1.5%) dengan permodalan pasaran pada RM715.8 bilion (sejak akhir bulan Julai: -1.3%). Dagangan menurun, dengan urus niaga purata harian berjumlah 428.5 juta unit pada tempoh tersebut.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus meningkat kepada RM298.7 bilion atau bersamaan dengan USD78.7 bilion pada 29 Julai 2005. Kira-kira dua pertiga daripada aliran masuk pada bulan Julai telah berlaku pada hari berikutnya selepas pengumuman perubahan dalam rejim kadar pertukaran kepada apungan terurus. Aliran ini menjadi normal pada hari-hari berikutnya dan proses penemuan harga adalah teratur. Urus niaga pada bulan Julai terutamanya adalah untuk perdagangan antarabangsa, pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan portfolio. Ia juga mencerminkan urus niaga bagi pembayaran barangan dan perkhidmatan, penghantaran balik dividen dan pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia. Rizab meningkat kepada RM305.2 bilion atau bersamaan dengan USD80.4 bilion pada 15 Ogos 2005. Paras rizab semasa memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 6 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal kukuh

Tahap permodalan sistem perbankan kekal kukuh, dengan nisbah modal teras (CCR) dan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) masing-masing pada 10.4% dan 13.3%. Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 3 bulan dan 6 bulan terus menurun pada bulan Julai untuk mencakupi masing-masing sebanyak 6.7% dan 5% daripada pinjaman bersih.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Mei 05	Jun 05	Jul 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.5	10.4	10.4
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.3	13.3	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	5.4	5.1	5.0
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,630	27,275	26,068	25,709
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Sistem perbankan kekal kukuh, disokong oleh tahap permodalan yang tinggi…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…. sementara paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia

24 Ogos 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 05		Jun 05		Jul 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		50.9	9.6	50.7	9.1	51.0	7.8
M1		114.7	11.3	116.5	11.0	117.0	12.6
M2		561.0	26.5	591.0	32.2	587.8	30.3
M3		652.9	13.7	652.3	12.8	648.8	11.6
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		666.1	15.4	668.6	14.4	665.0	13.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		527.8	8.6	533.8	8.4	534.4	8.7
Nisbah pinjaman-deposit (%)		75.8		76.5		77.1	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		83.9		84.6		84.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.3	26.1	25.9	5.4	27.3	8.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.7	31.3	16.3	-10.0	18.2	10.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		43.4	13.1	45.4	7.1	42.1	2.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		39.5	14.1	40.3	9.8	41.7	-3.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.3		13.3		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.4		5.1		5.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		284.5		285.7		298.7	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		74.9		75.2		78.7	
Bilangan bulan import tertangguh		8.6		8.6		8.8	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.69 [2.70]		2.69 [2.70]		2.70 [2.70]	
	Seminggu	2.72 [2.72]		2.73 [2.73]		2.72 [2.73]	
	1 bulan	2.81 [2.79]		2.83 [2.82]		2.83 [2.83]	
	3 bulan	2.80		2.84 [2.84]		2.86 [2.86]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.94		5.93		5.90	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		108.8	3.1	109.0	3.2	109.0	3.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		157.1	3.9	158.4	6.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.7112		4.5948		4.5475	
Paun Sterling		6.8921		6.8685		6.5799	
100 Yen Jepun		3.5164		3.4469		3.3414	
Dolar Singapura		2.2840		2.2576		2.2565	
100 Baht Thailand		9.3862		9.2032		8.9757	
100 Peso Filipina		6.9789		6.7628		6.6759	
100 Rupiah Indonesia		0.0400		0.0391		0.0382	
100 Won Korea		0.3777		0.3699		0.3655	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.1		2.2		1.4	
	swasta	3.7		1.2		-0.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		860.7		888.3		937.4	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		665.8		688.6		725.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.